

## **Teks Ucapan Alu-aluan**

**PROF. DATUK DR. MOHD HARUN ABDULLAH**

**Naib Canselor**

**Universiti Malaysia Sabah**

**Sempena**

**SYARAHAN PERDANA CEO@FACULTY**

**YDH PROF. ADJUNG IG TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA**

**KHALID BIN ABU BAKAR**

**17 April 2017 (Isnin) | 2.00 Petang**

**Dewan Resital**

**Universiti Malaysia Sabah**

## **Terima Kasih Pengacara Majlis**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

### **Salutasi**

Yang Dihormati Profesor Adjung Inspector General Police Tan Sri Datuk Seri Panglima Khalid Bin Abu Bakar,  
Ketua Polis Negara

Yang Dihormati CP Dato' Ramli Bin Din,  
Pesuruhjaya Polis Sabah

Yang Dihormati DCP Dato' Razarudin Bin Husan,  
Timbalan Pesuruhjaya Polis Sabah

Yang Dihormati ACP (KS) Prof. Madya Dr Ismail Ali,  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar &  
Alumni) merangkap Komandan Kor Suksis,  
Universiti Malaysia Sabah

Yang Dihormati Pegawai Kanan Polis Diraja  
Malaysia, Pegawai Utama dan Kanan Universiti,  
Kakitangan dan Pelajar, Sahabat Media UMS, Tuan-  
tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya kita dapat meluangkan masa menghadiri Majlis Syarahan Perdana CEO@Faculty pada petang ini yang akan disampaikan oleh Yang Dihormati Profesor Adjung Inspector General Police Tan Sri Datuk Seri Panglima Khalid Bin Abu Bakar, Ketua Polis Negara bertajuk "Ancaman Keselamatan Semasa".

Terlebih dahulu, ucapan “Selamat Datang” dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Yang DiHormati Tan Sri Ketua Polis Negara serta pucuk pimpinan kanan PDRM kerana sudi hadir ke kampus Universiti Malaysia Sabah.

**Yang DiHormati Tan Sri, Datuk-datuk serta Hadirin Hadirat Sekalian,**  
Universiti Malaysia Sabah kini sedang mengorak langkah pantas dalam merealisasikan visi dan misi penubuhannya.

Pencapaian UMS dalam usia muda menerajui pelbagai bidang telah berjaya melonjakkan nama UMS sebaris dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia dan antarabangsa. Menyedari hakikat tersebut, UMS turut memainkan peranan penting terhadap aspek sosial dan sumbangan terhadap masyarakat sekitarnya. Sebagai sebuah universiti awam yang semakin berkembang dan menyedari tentang sumbangan terhadap masyarakat setempat, UMS berhasrat agar aspek keselamatan dan sosial negara dapat terus dikekalkan terutamanya kepada generasi muda.

Dunia semakin terbuka dan rakyat semakin luas aksesibiliti kepada capaian jaringan tidak terbatas. Situasi ini dari satu sudut dilihat baik kepada perkembangan minda khususnya golongan remaja atau pelajar, namun jika tidak dikawal, pengaruh luar yang tidak sihat bakal merosakkan anak-anak generasi sekarang. Golongan pelajar perlu berhati-hati dan jangan mudah disesatkan dengan dakyah-dakyah yang boleh memberikan kesan negatif dan merosakkan pemikiran. Jadilah pelajar yang bijak!

## **Hadirlin dan Hadirat yang saya hormati sekalian,**

Syarahan Perdana CEO@Faculty ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada warga kampus UMS tentang pengalaman Yang DiHormati Tan Sri menangani isu-isu berkait ancaman keselamatan semasa negara. Saya percaya, dengan pengalaman selama 40 tahun dalam bidang kepolisan dan keselamatan negara, banyak pengalaman dan isu-isu yang akan dikongsikan bersama dengan kita pada hari ini.

Saya berharap, program sebegini secara tidak langsung dapat menjadi pencetus semangat kepada semua yang hadir betapa pentingnya keselamatan negara kita dijaga dan seterusnya dapat menanamkan perasaan cintakan negara kita, Malaysia. Kerjasama dari Yang DiHormati Tan Sri dan PDRM dalam menggembung usaha, kesedaran dan kempen peri pentingnya keselamatan negara kepada semua rakyat sangat dihargai dan warga UMS akan terus berdiri teguh bersama-sama dengan PDRM.

UMS akan memainkan peranan penting membentuk minda, emosi dan tingkah laku pelajar supaya tidak terjebak dengan keganasan dan jenayah. Diharapkan, melalui jalinan hubungan antara pihak universiti dan PDRM, hal ini dapat menguatkan lagi usaha murni membanteras penularan ancaman-ancaman ini kepada para pelajar di universiti. UMS memandang serius isu-isu keselamatan kampus dan warganya secara total termasuk dari segi lalu lintas, kawalan lalu lintas, kehilangan aset, keselamatan bangunan dan sebagainya.

Bahkan, UMS turut mengambil serius laporan-laporan yang dibuat melalui status di laman-laman sosial tentang hal-hal yang melibatkan isu keselamatan yang sepatutnya dibuat laporan secara rasmi kepada Bahagian Keselamatan jika ia benar-benar berlaku.

### **Hadirlin Hadirat sekalian,**

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Dihormati Tan Sri atas kesudian bersama kita pada petang ini.

Saya berharap, semua pelajar dan warga UMS dapat memanfaatkan peluang bersama Yang DiHormati Tan Sri pada petang ini dengan sebaiknya. Semoga segala input dan ilmu yang bakal disampaikan sebentar lagi akan dapat dijadikan panduan demi meningkatkan ilmu pengetahuan masing-masing.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh  
Sekian dan terima kasih.